

# **Seni dalam Tamadun Melayu: Satu Tinjauan ke atas Seni Ukir Melayu Kelantan**

**Mohd. Syariefudin Abdullah**

**Zuraini Jamil @ Osman**

*Jabatan Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

## **Pengenalan**

Seni ukir dapat dilihat dalam berbagai-bagai bentuk dan penghasilan seperti seni ukir kayu dan seni ukir perak. Seperti yang diketahui seni ukir yang wujud pada hari ini mempunyai sejarah yang panjang sejak berabad-abad yang lalu. Ia tidak dapat ditentukan dari mana asalnya, siapa yang memulakannya dan bila ianya dicipta.

Masyarakat Melayu lampau mempunyai masa lapang yang banyak dan kebiasaannya masa tersebut akan digunakan untuk berkarya dan berseni. Hasilnya beberapa peralatan telah dijelmakan antaranya gayung, rehal al-Quran dan pengukur kelapa. Dalam masa menyiapkan penghasilan tersebut, timbul minat menghiaskan benda-benda tadi dengan mengukir corak padanya. Alat yang digunakan untuk mengukir di peringkat awal ini adalah terdiri daripada benda-benda tajam seperti pisau, parang dan kapak. Hasil ukirannya juga berbentuk biasa seperti bentuk gerakan turun naik umpamanya “alunan ombak dilaut” (Md. Din Jusoh, 1983: 61).

Usaha ukiran yang secara tidak langsung ini lama-kelamaan menjadi satu rutin di kalangan masyarakat Melayu dan telah menimbulkan minat yang mendalam mendasak mereka mencipta karya-karya yang menarik seperti ukiran bunga, daun, pohon-pohon yang tumbuh menjalar dan lain-lain lagi. Pengaruh alam telah memberi ilham kepada mereka dalam menghasilkan corak ukiran bermutu. Malah dalam menjalankan usaha-usaha ukiran secara tidak langsung ini juga mereka telah dapat mencipta alatan yang digunakan untuk mengukir.

Peralatan mengukir dicipta dan ia digantikan dengan peralatan moden sekarang ini tetapi masih mengekalkan asas alatan asal yang dicipta. Walau bagaimanapun, peralatan itu pun telah diperbaharui bentuknya bagi memudahkan mengukir. Namun begitu, keaslian bentuknya (mata-mata pekakas itu) telah dipertahankan. Antara alatan-alatan yang digunakan bagi kegunaan mengukir pada masa ini ialah gergaji, anak tangga, cela, tukul kayu, beliung, pahat persegi, pahat kuku, kikir, ketam, geridi, ekor pari dan batu asah (Mustapha Mohammad, 1982: 89-90).

Kerja-kerja mengukir ini dianggap sebagai kerja sambilan kerana dilakukan untuk peralatan rumah-rumah sendiri sahaja, kecuali bagi pengukir-pengukir di istana raja. Kegiatan tersebut dijalankan tidak lebih daripada memenuhi masa lapang yang terbiar. Pekerjaan ini tidak menjamin kehidupan seseorang kerana ukiran-ukiran yang telah siap tidak menerima permintaan atau pasaran dari masyarakat tempatan malah akan disimpan dengan cara yang tidak terjaga di mana-mana sahaja di rumah mereka sendiri (Md. Din Jusoh, 1983: 65).

Apabila terdapat pekerjaan lain yang lebih mendatangkan hasil atau kerja lama boleh dimulai kembali maka kegiatan mengukir yang sementara tadi akan ditinggalkan begitu sahaja. Jika terdapat masa lapang yang lain di masa hadapan, mungkin ukiran tersebut akan disambung kembali, kalau tidak pun akan terus tinggal begitu sahaja terus-menerus. Oleh sebab itu, kerap kali kita jumpai tinggalan ukiran lama yang separuh siap. Tambahan pula corak ukiran yang diilhamkan itu lahir secara spontan setelah benda-benda yang mereka hasilkan itu siap dikerjakan. (Md. Din Jusoh, 1983: 68) Keadaan yang ada menggambarkan bahawa kegiatan ukir mengukir bukan suatu kerja yang penting pada asalnya tetapi lebih sebagai mengisi masa lapang.

### **Seni Ukir di kalangan Masyarakat Kelantan**

Kegiatan mengukir di kalangan masyarakat Kelantan dapat dilihat semasa hari-hari kebesaran seperti hari Keputeraan Sultan khasnya apabila menyambut perayaan ‘Puja Umur’ Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan. Pada masa Puja Umur ini biasanya akan diadakan ‘pesta air’ yang berlangsung sepanjang sungai di pinggir bandar Kota Bharu. Di samping itu, rakyat Kelantan juga akan melihat pertunjukan perahu cantik dan perahu laju. Semua perahu yang dibawa semasa pertunjukan ini adalah terdiri daripada perahu-perahu yang terkenal dengan kecantikan dan keistimewaan tertentu khasnya dari aspek ukiran (Md. Din Jusoh, 1983: 68-69). Pesta ini merupakan pertunjukan yang meriah dan diserikan dengan pelbagai majlis yang gilang gemilang pada tiap-tiap tahun.

Kerja menghias perahu ini memakan masa yang begitu lama dan memerlukan kepakaran yang sangat tinggi. Adakalanya pada kepala sesebuah perahu itu diukir dengan rupa bentuk sesuatu lambang seperti kepala burung bangau, kepala naga, ular, kepala burung rajawali, helang, garuda dan seribu macam yang lain (Md. Din Jusoh, 1983: 69). Ini semua membawa pengertian yang tersendiri pada puak-puak yang menghasilkannya, seperti lambang kegagahan dan harapan semoga akan berjaya dalam pertunjukan atau pertandingan tersebut.

Upacara dan keramaian yang seperti ini berterusan dan mempengaruhi perkembangan seni ukir di Kelantan. Mana-mana orang yang berjaya menghasilkan ukiran yang tercantik akan mendapat perhatian dari pihak istana dan besar kemungkinan akan menjadi pengukir istana atau dipanggil “*Orang Raja*” (Md. Din

Jusoh, 1983: 69). Adalah menjadi harapan para pengukir untuk memenangi pertandingan ini kerana kemenangan ini akan mengubah nasib pengukir tersebut dan kemungkinan akan menjadi pengukir istana.

### Kedudukan Pengukir Melayu Kelantan

Pengukir-pengukir Melayu pada masa dahulu terdiri daripada para pengukir yang miskin. Mereka dipaksa bekerja di istana raja dan sistem bayaran para pengukir amat bergantung kepada bayaran yang di berikan oleh raja pada setiap keping ukiran yang telah siap dibuat. Setiap keping ukiran itu mengambil masa dua hingga tiga bulan lamanya untuk disiapkan (Mustapha Mohamad, 1982: 92).

Apabila seseorang itu telah menjadi pengukir istana, ia perlu mencurahkan segala keringatnya untuk pihak istana. Tenaganya diperlukan pada bila-bila masa oleh raja serta pembesar-pembesar negeri, dengan disediakan segala keperluan yang minima bagi kehidupan anak dan isteri. Rumah para pengukir di tempatkan di sekitar istana atau rumah-rumah pembesar bertujuan memudahkan bantuan dihulurkan apabila diperlukan. Biasanya golongan pengukir istana ini juga tidak tinggal setempat. Mereka terpaksa berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain. Misalnya Istana Tengku Sri Akar yang didirikan berhampiran dengan sungai Kelantan dihiasi dengan ukiran-ukiran tumbuhan yang menarik dan dipercayai diukir oleh pengukir dari Pattani (Mustapha Mohamad, 1982: 92).

Mengikut Pak Su Lah, Tengku Sri Akar adalah keturunan dari raja Pattani yang telah lari ke Kelantan setelah ditewaskan oleh tentera Siam dan dipercayai bahawa baginda telah membawa bersamanya para pengukir kayu lari bersama beliau ke Kelantan (Md Din Jusoh, 1982: 71).

Selain daripada itu, para pengukir kayu Melayu Kelantan bersama-sama penduduk-penduduk tempatan telah mendirikan wakaf dan khidmat ukiran mereka dapat diaplikasikan dan terserlah pada serambi atau bumbung wakaf-wakaf tersebut. Sesuai dengan masyarakat Melayu Kelantan yang ketika itu dikenali dengan nilai Islam yang kuat maka segala bentuk ukiran yang dihasilkan adalah berunsurkan Islam. Penghasilan dalam bentuk-bentuk itu wujud dalam corak yang dikenali pada hari ini sebagai '*tulisan khat*' (Mustapha Mohammad, 1983: 93). Ukiran yang dibuat pada tempat-tempat tertentu dalam sesuatu masjid pula bertujuan untuk keindahan masjid berkaitan di samping menjadi tarikan kepada pengunjungnya semasa beribadat.

Kemahiran mengukir adalah satu kebolehan turun-temurun. Semakin mahir dan lama seseorang itu mengukir maka semakin banyak dapat mengilhamkan corak-corak ukirannya. Kadangkala amat sukar untuk diberi nama pada hasil ciptaan mereka sendiri, hinggalah ada pengukir menamakan hasil ukirannya dengan nama asing seperti '*Bunga Belanda*' (Mustapha Mohamad, 1983: 94).

Ukiran yang dipahat oleh para pengukir dahulukala terdapat dalam bermacam-macam benda. Bagi nelayan yang mempunyai perahu untuk menangkap ikan di laut, maka ukiran akan dibuat pada kepala-kepala perahu dalam bentuk Kepala Burung Bangau iaitu antara bentuk ukiran yang popular. Bagi golongan ini, ukiran Burung Bangau dan lain-lain ukiran bukan bertujuan untuk menarik perhatian raja tetapi sebagai satu cita rasa yang *esthetic* (Mustapha Mohammad, 1983: 94). Kehadiran para pengukir di Kelantan yang pelbagai kemahiran dan cita rasa kreatif telah memberikan sumbangan nilai seni yang begitu menarik pada masa itu dan sukar untuk dicari pada masa sekarang.

## Pengaruh Seni Ukir Tradisional Dalam Seni Ukir Kelantan

Secara tepat seni ukir yang terdapat di Semenanjung Malaysia tidak dapat ditentukan asal usulnya secara tepat. Namun begitu, sesetengah pengkaji berpendapat ianya berasal dari Tanah Jawa sejak berabad-abad lalu. Kenyataan ini berdasarkan pada motif ukiran bunga dan daun yang juga terdapat pada krator-krator dan Candi Borobudur.

Pendapat yang lain pula, seni ukir yang terdapat di Jawa itu adalah diambil dari Tanah Melayu berdasarkan pada ukiran-ukiran bunga serta tumbuhan-tumbuhan yang terdapat di Tanah Melayu itu lebih lembut serta halus perbuatannya dari ukiran yang terdapat di Jawa sendiri. Namun begitu, perusahaan seni ukir di Jawa adalah lebih meliputi keseluruhan pulau tersebut, sedangkan di Malaysia ianya tertumpu pada kawasan pantai timur sahaja (Md. Din Jusoh, 1983 : 73). Dengan alasan ini, maka kedua-dua pendapat yang dikemukakan itu dapat diperdebat dan dipersoalkan lagi malah memerlukan pengkajian yang berterusan untuk mencari satu jawapan yang lebih tepat.

## SENI UKIR ISTANA JAHAR

### *Latar Belakang*

Sesebuah tamadun itu akan dikenali dengan monumen atau ciptaan yang dihasilkan-nya seperti Tamadun China dengan tembok besarnya, Tamadun India dengan Taj Mahalnya, Mesir dengan Piramidnya dan tidak kurang juga Kelantan juga dikenali dengan Istana Jahar merupakan salah satu monumen yang penting di Kelantan dan sekarang telah dikenali sebagai Muzium Adat Istiadat Diraja Kelantan telah dibina oleh tukang-tukang kayu yang mahir dari seluruh negeri Kelantan. Semasa membina istana ini upacara pembinaan telah dilakukan dengan penuh adat istiadat kerana Istana Jahar adalah tempat bersemayam dan menjadi lambang kebesaran dan kedaulatan raja-raja yang memerintah.

Istana Jahar terletak berhadapan dengan Istana Balai Besar, Kota Bharu, Kelantan. Istana ini mula dibina oleh Sultan Muhammad II pada tahun 1886 untuk

cucunda baginda, Long Kundur yang dilantik menjadi Raja Bendahara. Istana baru ini dinamakan Istana Raja Bendahara iaitu mengambil sempena nama Raja Bendahara yang bersemayam di istana tersebut (Mohamed Roselan Abdul Malek, 1998: 27).

Pembinaan Istana Raja Bendahara siap pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad I (1886-1889). Istana tersebut menjadi istana rasmi Raja Bendahara. Namun begitu, Istana Balai Besar masih menjadi istana rasmi Sultan Kelantan. Pada tahun 1889, Raja Bendahara dilantik menjadi Sultan Muhammad III. Apabila baginda mangkat pada tahun 1891, adinda Long Mansur menjadi Sultan Kelantan bergelar Sultan Mansur. Baginda bersemayam di istana Balai Besar kerana iatana Raja Bendahara menjadi tempat bersemayam Long Senik. Apabila Sultan Mansur mangkat, Long Senik dilantik menjadi Sultan Kelantan bergelar Sultan Muhammad IV (Mohamed Roselan Abdul Malek, 1998: 27-28).

Pada tahun 1920, Sultan Muhammad IV menukarkan nama Istana Raja Bendahara kepada Istana Jahar iaitu mengambil sempena nama sebatang pokok jahar yang hanyut masuk ke kawasan istana semasa berlaku banjir besar. Selepas kejadian itu, beberapa batang pokok jahar ditanam di perkarangan istana. Kemudiannya, Istana Jahar menjadi tempat bersemayam kebanyakan sultan yang memerintah negeri itu. Istana Jahar tidak lagi digunakan sebagai tempat bersemayam apabila Sultan Yahya Petra berpindah ke istana baru (Mohamed Roselan Abdul Malek, 1998 : 28).

Dalam tahun 1981, bangunan Istana Jahar dibuka dengan rasminya sebagai Muzium Negeri, usaha-usaha membina Balai Tarik telah dilakukan. Ia adalah bertujuan untuk menempatkan pejabat pentadbiran Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Buat sementara waktu, sebahagian daripada ruang pameran Istana Jahar telah digunakan sebagai Pejabat Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

### ***Corak Ukiran Tradisional di Istana Jahar***

Corak tradisional yang paling terkenal dan selalu diukir oleh pengukir-pengukir Melayu Kelantan, sama ada pada kayu atau logam ialah bentuk bunga-bungaan atau tumbuh-tumbuhan. Corak-corak ukiran ini juga didapati di negeri-negeri Thai, India, China, dan Jawa tetapi jika dibandingkan secara terperinci kita akan dapat perbezaan-perbezaan yang khusus.

Reka bentuk ukiran daun merupakan hasil seni yang paling diminati dan paling jarang didapati ialah jenis ‘daun teratai’. Ukiran daun teratai ini adalah dikatakan peniruan ukiran-ukiran India Purba semasa perkembangan agama Buddha di Ligor dan Langkasuka. Lebih mashyur dari itu ialah ‘Awan Larat’ yang merupakan salah satu corak ukiran yang paling tradisional dan asas bagi melahirkan corak ukiran berdasarkan tumbuhan yang melata.

Selain dari jenis ukiran bungaan dan tumbuhan, satu lagi jenis ukiran tradisional yang popular ialah ‘Ukiran Khat’ atau ukiran ayat-ayat Quran. Ukiran khat ini dipercayai berasal dari Arab atau Parsi dalam bentuk sulaman pada kain-kain tertentu kemudiannya telah diukir pada kayu-kayu oleh pengukir-pengukir kayu Melayu. Ianya banyak sekali terdapat pada rumah-rumah lama yang didiami oleh para alim ulamak.

Terdapat beberapa ukiran yang jelas kelihatan pada alat-alat yang terdapat di Istana Jahar. Antaranya ialah Perahu Diraja yang diperbuat dari kayu cengal sekitar tahun 1900 dan digunakan sewaktu sultan berangkat ke sesuatu tempat terutama apabila menggunakan jalan air. Perahu ini juga dilengkapi dengan tempat duduk dan bumbung sebagai peneduh. Manakala pada bahagian tertentu pula ada terdapat ukiran yang diperbuat daripada tembaga bagi memperkenalkan kecantikannya. Selain itu, pada bahagian bawah diukir awan larat jenis tebuk timbul. Perahu diraja ini boleh memuatkan 10 orang dalam satu-satu masa.

Ukiran juga dapat dilihat pada Singekerti iaitu sejenis kenderaan yang digunakan dalam perarakan istiadat berkhatan putera-putera Raja Melayu di Kelantan pada masa silam. Kenderaan ini juga dihias dengan ukiran indah di kepalanya seakan kepala singa. Mulutnya akan mengeluarkan pancuran air tempat putera-putera raja yang akan menjalani istiadat berkhatan bersiram.

## **SENI UKIR MASJID KAMPUNG LAUT**

### ***Latar Belakang***

Kampung Laut terletak berhampiran dengan muara sungai Kelantan kira-kira 3 kilometer ke utara Kota Bharu. Kampung ini bersempadan dengan Kampung Kok Keli, Kampung Sungai Pinang, Kampung Chad, dan Kampung Palekbang. Ber-tentangan dengan kampung ini (di sebelah Sungai Kelantan) ialah Kampung Penambang, yang merupakan pusat pengeluaran kain songket di Kelantan (Mohamed Roselan Abdul Malek, 1998: 23).

Mengikut cerita terdapat anak-anak raja dari Jawa belseyari di laut berhampiran dengan Kelantan. Kapal mereka telah bocor dan dalam keadaan kelam-kabut itu anak-anak raja tersebut berjanji bahawa sekiranya mereka selamat sampai ke pantai, mereka akan mendirikan sebuah masjid (Mohamed Roselan Abdul Malek, 1993: 17).

Ditakdirkan, mereka selamat sampai ke sebuah perkampungan kecil. Mereka bersyukur kerana telah selamat dan dapat membaiki kapal mereka. Seperti yang dijanjikan, mereka mendirikan sebuah masjid berhampiran dengan tempat mereka mendarat. Selepas mendirikan masjid itu mereka belseyari pulang ke Tanah Jawa. Di sana mereka juga mendirikan sebuah masjid yang bentuknya seakan-akan sama dengan bentuk masjid yang didirikan di Kelantan dahulu (Mohamed Roselan Abdul Malek, 1993: 17).

Pada masa tersebut, penduduk kampung kecil di Kelantan itu tidak tahu akan asal usul orang yang singgah dan membina masjid di kampung mereka. Mereka menamakan orang dagang itu orang laut dan seterusnya menamakan kampung mereka Kampung Laut (Mohamed Roselan Abdul Malek, 1998: 24).

Kampung Laut mula disebut dalam sejarah Kelantan pada penghujung abad ke-18 lagi iaitu semasa Long Yunus menjadi Yang Dipertuan Kelantan. Tengku Long Ismail, Putera Long Yunus yang dilantik menjadi Raja Muda bersemayam di Kampung Laut. Mursyi Abdullah juga ada mencatatkan nama Kampung Laut semasa beliau membuat lawatan ke Kelantan pada tahun 1836 (Mohamed Roselan Abdul Malek, 1998: 24).

Pembukaan Kampung Laut berlaku lebih awal daripada abad ke-17 jika didasarkan pada usia Masjid Kampung Laut. Walaupun tarikh tepat pembinaan masjid ini tidak dapat ditentukan, ahli-ahli sejarah berpendapat bahawa usia masjid ini tidak kurang daripada 300 tahun. Bentuk masjid ini mempunyai persamaan dengan bentuk dengan sebuah masjid yang terdapat di Melaka dan Masjid Demak di Pulau Jawa yang dibina pada zaman Wali Songgo (Mohamed Roselan Abdul Malek, 1998: 24).

Pada abad ke-18 dan ke-19, struktur bangunan Masjid Kampung Laut masih teguh. Akan tetapi, disebabkan banjir besar yang melanda kampung itu setiap tahun, pada tahun 1967 bangunan masjid ini didapati hampir musnah. Persatuan Sejarah Malaysia telah mengambil inisiatif memindahkan bangunan Masjid itu ke satu kawasan baru, iaitu di kawasan Pusat Pengajian Tinggi Islam di Nilam Puri. Di tapak baru ini, Masjid Kampung Laut telah didirikan semula dengan menggunakan kesemua bahan asas seberapa yang boleh (Mohamed Roselan Abdul Malek, 1998: 24).

Secara umumnya, Masjid Kampung Laut memiliki ruang empat persegi tepat yang ditutup oleh bumbung tiga tingkat. Mimbar dan ruang dalamnya disokong oleh empat batang tiang seri yang diperbuat daripada kayu jati tempatan. Masjid ini boleh memuatkan 400 orang ahli jemaah (Mohd. Roselan Ab. Malek, 1998: 24).

### ***Seni Bina dan Ukiran Masjid Kampung Laut***

Bentuk bumbung Kampung Laut yang berbentuk tiga tangkut atau bentuk meru itu tidak banyak bezanya dengan bentuk bumbung salah sebuah rumah adat orang Jawa di Pulau Jawa, terutama sekali rumah yang disebut “Rumah Bentuk Masjid dan Tajug”. Rumah yang berbentuk sedemikian sering menjadi masjid khususnya untuk mengajar agama Islam ataupun mengaji al-Quran. Bentuk-bentuk masjid dan ‘Tajug’ di Jawa yang hampir sama dengan bentuk masjid bumbung tiga tangkup di Melaka dan juga masjid Tua Kampung Laut.

Di Jawa sendiri pembentukan seni bina masjid yang sedemikian tentulah disebabkan oleh pengaruh-pengaruh lingkungan yang menyentuh tradisi dalam

kehidupan masyarakat. Hakikat ini dapat diperjelaskan kerana orang-orang Jawa di zaman awal Islam di Tanah Jawa lebih kuat menghadapi pengaruh-pengaruh seni bina luar. Tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa bentuk masjid atau bertangkup atau meru itu sebenarnya satu peniruan bentuk candi yang terdiri di Indonesia sendiri, khususnya di Jawa dan Bali, kerana bentuk-bentuk sedemikian sudah ada sebelum agama Islam masuk ke Jawa.

Pada pandangan luarnya seni bina masjid Kampung Laut hampir sama dengan masjid Agung Demak dan juga masjid-masjid tradisional di Melaka. Masing-masing menggunakan bumbung tiga tangkup atau dikenali juga sebagai bumbung bertenggek. Tiang Masjid Kampung Laut diperbuat daripada kayu cengal iaitu 20 buah termasuk 4 tiang seri atau dikatakan juga ada 8 tiang serinya. Ukiran lebar masjid ini 52 kaki dan panjangnya 60 kaki dengan lantainya dibuat dari sejenis kayu kukuh mungkin lamsa atau merbau yang tebalnya 3 inci lebar dan lebar kayunya 6 inci dengan panjangnya 26 kaki. Ketinggiannya dari lantai ke puncak lebih kurang 50 kaki (Nik Mohamed Nik Mohd Salleh, 1990: 9).

Dekat masjid ini ada sebuah ‘Balai Lintang’ sebagai tambahan. Mengikut catatan yang ditulis di atas sekeping tembaga, pada tiangnya ada disebutkan tanggal dibina iaitu 22 Syaaban 1328 Hijrah. Pada bahagian sampingnya ada sebuah menara yang dibuat kemudian daripada binaan masjid ini iaitu lebih kurang 60 kaki. Kelebaran kolah di bahagian belakangnya 20 inci dan panjang 54 inci dan tebalnya 5 inci. Tinggi kolah dari dasar seminnya ialah 30 inci. Terdiri dari satu setengah blok batu dan dasar kolah terdiri dari 3 blok yang masing-masing panjangnya 52 inci dan lebarnya 20 inci (jadi panjangnya  $52 \times 3$  inci dan lebarnya  $20 \times 3$  inci) (Nik Mohamed Nik Mohd Salleh, 1990: 9).

Hasil daripada tinjauan penulis di Masjid Kampung Laut di Nilam Puri didapati tiang tengah yang berjumlah 16 batang memagari sekeliling tiang-tiang seri itu ialah tiang-tiang untuk menyokong tingkat 2, masing-masing berukuran 4.20 meter ( $13'9''$ ) dan besar tiangnya ialah  $0.25 \times 0.25$  meter, iaitu lebih kecil dari tiang-tiang seri. Tiang serambi di sekeliling bangunan ialah penyokong pada bumbung serambi atau bumbung tingkap yang di bawah sekali. Tiang-tiang ini lebih pendek iaitu berukuran 2.14 meter ( $7'0''$ ). Jumlah tiang-tiang ini pula ialah 16 batang dan besar tiangnya pula ialah  $0.15 \times 0.15$  meter ( $6''$ ).

Kalau hendak ditinjau Masjid Kampung Laut ini dari segi seni bina bangunannya memang terdapat persamaan gaya dengan Masjid Demak. Atapnya bersusun bersifat ganjil 3 dengan dinah dasar 4 persegi dan tiang seri 8. Boleh dikatakan seni bina masjid pada zaman awal Islam adalah sama dari segi seni binanya iaitu berunsur purba Nusantara sendiri sebagai lanjutan dari segi bangunan makam yang bersusun-susun kemudian dilanjutkan pula pada seri candi pada zaman Hindu (Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh, 1990: 10).

Suatu hal yang perlu diperhatikan mengenai kedudukan masjid Kampung Laut ini ialah adanya makam di sampingnya seperti yang terdapat pada masjid Langgar, Kota Bharu yang mempunyai makam raja-raja dan makam penduduk biasa. Keadaan ini merupakan ciri khusus bagi masjid pada zaman awal Islam (Nik Mohamed Nik Mohd Salleh, 1990: 10-11). Keadaan ini ada kaitan dengan fungsi masjid sebagai tempat berkumpul pelbagai lapisan masyarakat dan kubur merupakan tempat yang perlu selalu diziarah.

Sementara itu, pemerhatian dari aspek binaan juga mendapati banyak masjid menggunakan simbol bunga teratai. Keadaan ini dapat dihubungkan dengan lambang konsep ketuhanan-kealam. Konsep ini dilambangkan dengan beberapa lambang tetapi yang paling penting ialah lambang ‘Bunga Teratai’ dari jenis ‘nelumbium speciosum’ atau yang disebut dalam bahasa Sanskrit ‘kumuda’ iaitu ‘bunga teratai putih’. Bunga teratai ini terdiri dari dua bahagian penting iaitu tangkai dan kelopok-kelopok. Tangkai ialah lambang bagi ‘zat Allah’ dan kelopok-kelopok ialah lambang bagi ‘alam’. Ambil sekuntum bunga teratai yang dijadikan lambang dan lungkupkan mukanya ke bawah maka ia akan menjadi suatu bentuk bangunan masjid tradisi, masjid Kampung Laut (Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh, 1985: 36-38).

Di samping itu, penghasilan ukiran masyarakat Melayu Kelantan dapat diapresiasi dalam penghasilan ukiran yang bercorak ayat-ayat suci al-Quran pada tiang, pintu dan sebagainya pada masjid lama di Kelantan. Selain daripada ayat al-Quran, kita juga dapat melihat ukiran dalam bentuk ‘berbunga’ seperti yang terdapat di antara ‘sutok tiang’ (persimpangan antara palang atas dan tiang bawah pada bangunan kayu) pada masjid Kampung Laut. Penghasilan ayat-ayat suci al-Quran inilah yang dikenali sebagai ‘Tulisan Khat’, (Mustapha Mohammad, 1982: 93).

### ***Kedudukan Seni Ukir Melayu Kelantan dalam Pasca Moden***

Perkembangan seni ukir kini amat menyediakan di mana masyarakat kontemporari agak kurang minat dengan seni ukir. Perkembangan seni ukir agak terbantut disebabkan kekurangan sambutan orang ramai.

Dewasa ini para pengukir khasnya di Kelantan lebih berminat mencari kerja lain seperti bertani atau turun ke laut sebagai punca pendapatan keluarga. Ini semua memperlihatkan satu pergerakan menuju ke zaman kegelapan dalam bidang seni ukir Kelantan. Belia-belia Melayu memandang sepi kepada kerjaya ini dan menganggapnya sebagai satu kegiatan yang tidak lebih daripada memenuhi masa lapang (Mustapha Mohammad, 1982: 96). Keadaan ini jika berterusan akan menguburkan nilai seni ukir dalam masyarakat Melayu Kelantan.

Kehidupan masyarakat moden sekarang yang terlalu mengagungkan sains dan teknologi telah menjauhkan lagi pandangan golongan muda dari perusahaan seni ukir. Segala macam peralatan yang diimport dari Barat telah menjadi pilihan utama golongan elit hari ini, walaupun benda-benda itu diperbuat daripada mesin-mesin

yang sedikit pun tidak mempunyai nilai seni yang halus seperti mana hasil kerja tangan masyarakat Melayu (Mustapha Mohammad, 1982: 96). Sesuatu harus dilakukan supaya aktiviti ukiran ‘tidak lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas’.

Mempelajari ukiran bukan suatu yang mudah di mana memerlukan ketekunan yang tinggi di samping minat yang mendalam dan ditambah pula kurangnya usaha dari pihak kerajaan dan pihak terlibat untuk menurunkan kemahiran seni ukir ini kepada generasi-generasi muda membantut perkembangan seni ukir tanah air kita dan tidak mustahil jika seni ini akan terkubur tidak sampai 50 tahun yang akan datang (Mustapha Mohammad 1982: 96). Oleh itu, generasi muda harus didedahkan dengan nilai estetik yang tinggi yang ada dalam ukiran.

### **Masa Depan Seni Ukir Kelantan**

Akibat adanya kajian dan kesedaran yang objektif pada masa ini, perusahaan seni ukir telah mulai mendapat perhatian dari institusi-institusi kewangan, pusat-pusat pengajian tinggi, badan-badan pelancongan, ahli-ahli perniagaan serta tokoh-tokoh korporat dari seluruh negara. Justeru, banyak tempahan dibuat kepada pengukir-pengukir tempatan yang berupa ukiran pada pintu, alat perhiasan dan sebagainya. Keadaan ini, telah memberi peluang kepada para pengukir kayu khasnya untuk memperluaskan lagi perusahaan mereka dengan melatih lebih ramai kakitangan bagi memenuhi permintaan yang kian bertambah (Mustapha Mohammad, 1982: 99).

Memiliki perabot-perabot yang diukir tangan seperti almari, kerusi meja, katil dan lain-lain telah menjadi satu kemegahan golongan elit sekarang. Ini merupakan satu petanda baik bagi kemajuan dalam bidang seni ukir tersebut. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk memajukan seni ukiran kayu dengan cara mengadakan pameran-pameran serta pertandingan bagi penguir-pengukir kayu Melayu. Inisiatif ini bertujuan menghidupkan kembali kemahiran masyarakat Melayu yang hampir terkubur dewasa ini (Mustapha Mohammad, 1982: 99).

Majlis Amanah Rakyat (MARA) juga telah mengambil langkah-langkah yang sama dalam usaha untuk memajukan perkembangan seni ukir. Antaranya termasuklah pemberian bantuan serta pinjaman kewangan kepada individu-individu dalam bidang ini, supaya mengembangkan lagi perusahaan seni ukir masing-masing. Malah lebih jauh dari itu, MARA telah membuka bengkel di beberapa tempat di negara ini bagi memberi latihan kepada belia-belia tempatan yang berminat (Mustapha Mohammad, 1982: 100).

Pada hari ini perusahaan seni ukir Kelantan telah memasuki satu era baru. Para pengukir sekarang tidak lagi menghasilkan ukiran mengikut ilham dan corak mereka, tetapi ditentukan oleh pihak pembeli. Kadang-kadang seseorang yang ingin membuat tempahan itu akan membawa contoh-contoh khas yang dilukiskan di atas kertas

atau membawa gambar-gambar yang tertentu. Apa yang jelas ialah hasil seni ukir sekarang telah mendapat satu kedudukan yang setaraf dengan lain-lain penciptaan luar negeri seperti Itali, Taiwan, Amerika, Thailand dan sebagainya (Mustapha Mohammad 1982: 100). Ini adalah disebabkan oleh kebolehan pengukir-pengukir itu sendiri yang mampu menghasilkan hasil seni selari dengan kehendak masyarakat kontemporari atau moden. Para pengukir seharusnya peka dengan kehendak pasaran semasa. Dengan cara itu, aktiviti mengukir boleh menjadi punca pendapatan pengukir dan boleh dijalankan secara sepenuh masa.

### Cadangan

Negeri Kelantan kaya dengan seni ukir dengan pelbagai corak seni ukir yang masih kekal hingga sekarang. Namun begitu, keadaan agak membimbangkan di mana sebahagian besar golongan muda sekarang telah melupakan tradisi seni ukir Melayu Kelantan. Keadaan ini agak membimbangkan dan beberapa tindakan yang proaktif harus diambil bagi mengatasi masalah ini.

Penglibatan pihak kerajaan dalam usaha mengekalkan kegiatan seni ukir Melayu Kelantan diharap akan dapat menggalakkan penglibatan golongan terlibat dan menjadikan kegiatan ini sebagai satu kerjaya mereka. Penubuhan pusat kegiatan seni ukir ini diharap boleh mempamerkan pelbagai jenis atau corak seni ukir yang dihasilkan oleh rakyat tempatan. Pusat ini juga boleh mempamerkan hasil seni ukir yang dihasilkan oleh masyarakat dahulu-kala zaman kegemilangan seni ini.

Penglibatan masyarakat Kelantan sendiri juga menjadi aset penting dalam mengekalkan kegiatan seni ukir khususnya mereka yang tinggal di kawasan perkampungan. Kegiatan seni ukir ini dapat dikekalkan sepanjang zaman andainya mendapat sokongan daripada masyarakat. Di sini, peranan masyarakat yang masih mengamalkan kegiatan mengukir penting untuk memperkembangkan corak seni ukir kepada individu agar individu lain dapat meneruskan dan menerapkan amalan ini kepada generasi akan datang.

Penglibatan individu yang betul-betul berminat dengan seni ini penting bagi mengekalkan kegiatan seni ukir di Kelantan. Hal ini adalah kerana individu menjadi aset terpenting untuk meneruskan kegiatan seni ukir yang telah diwarisi sejak turun-temurun. Sekiranya penglibatan individu gagal direalisasikan kemungkinan kesenian ini akan lenyap untuk selama-lamanya. Kegiatan ini disusuli oleh sokongan dari masyarakat seluruhnya khasnya masyarakat Kelantan sendiri bagi memastikan kesenian ukiran kayu tidak pupus dan kekal selama-lamanya.

Jadi tidak dapat dinafikan lagi bahawa penglibatan semua pihak sangatlah penting untuk mengekalkan kegiatan seni ukir di Kelantan. Usaha-usaha yang dilakukan oleh pelbagai pihak ini diharap akan dapat membantu memperkembangkan kesenian ukiran Kelantan.

## Kesimpulan

Secara kesimpulannya, seni ukir di negeri Kelantan masih lagi kekal di samping wujudnya seni ukir dengan corak-corak baru menggambarkan ketinggian seni ukir Kelantan. Hal ini dapat dilihat pada binaan Masjid Kampung Laut dan binaan Istana Jahar yang sehingga hari ini tetap terpelihara seni binanya. Di Kelantan sendiri sudah ada satu budaya baru telah muncul dalam masyarakat Kelantan khususnya, di mana orang yang memiliki benda-benda yang berukiran tangan seperti ukiran-ukiran yang terdapat pada meja, kerusi, katil dan sebagainya mula menjadi satu kemegahan bagi sesetengah golongan elit di negara ini. Keadaan ini merupakan satu petanda yang baik untuk kemajuan dan perkembangan seni ukir. Bukti yang lain juga ialah pihak kerajaan tidak ketinggalan dalam menghidupkan dan memperkembangkan kesenian seni ukir ini. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah mengambil langkah tertentu untuk memajukan bidang ini iaitu dengan mengadakan pameran-pameran dan pertandingan mengukir kayu. Muzium Negara juga telah mengadakan pertandingan ukir-mengukir pada tahun 1995. Pada tahun 1974 telah diadakan pertunjukan barang-barang pertukangan tangan tradisional di Genting Highland. Inisiatif ini adalah bertujuan menghidupkan kembali kemahiran ukir-mengukir di kalangan orang Melayu yang pada suatu masa dahulu termashyur dengan nilai seni ukir yang tinggi mutunya.

## Bibliografi

- Md. Din Jusoh dalam Khoo Kay Kim, 1983. *Warisan Kelantan*. Kota Bahru: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Istana Jahar.
- Mohd Roselan Ab Malek, 1993. *Negeri Kelantan Darul Naim*. Selangor: Penerbit Prisma Sdn Bhd.
- Mohd Roselan Ab Malek dan Azmi Yusoff, 1998. *Siri Kenali Negerimu Kelantan Darul Naim*. Selangor: Penerbit Prisma Sdn Bhd.
- Mustapha Mohammad dalam Khoo Kay Kim, 1982. *Warisan Kelantan*. Kota Bahru: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Istana Jahar.
- Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, 1985. *Warisan Kelantan IV*. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Nik Mohammed bin Nik Mohd Salleh, 1986. *Warisan Kelantan V*. Kota Bahru: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Istana Jahar.
- Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, 1990. *Monograf Perbadanan Muzium Negeri Kelantan – Warisan Kelantan IX*. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.